

Konvensyen kumpul RM160,306 untuk tabung DTC

UM 8 JUL 2001

KUALA LUMPUR 7 Julai — Sebanyak RM160,306 berjaya dikumpul pada konvensyen Barisan Nasional (BN) hari ini untuk didermakan bagi tabung pembinaan semula Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya (UM) yang terbakar Jumaat lepas.

Gerakan memungut derma kilat itu mendapat sambutan hangat daripada perwakilan yang telah menderma sebanyak RM20,306 bagi mengisi Tabung Pembinaan Semula DTC.

UMNO pula telah menderma RM25,000, Parti Progresif Rakyat (PPP) menyumbang RM5,000 manakala parti-parti komponen BN lain masing-masing menderma RM10,000.

Sumbangan tersebut kemudian disampaikan oleh Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Ketua Pengarang Kumpulan *New Straits Times Press Berhad (NSTP)*, Datuk Ahmad A. Talib. Tabung itu dilancarkan oleh NSTP.

Di samping itu, pada penghujung konvensyen berkenaan, Dr. Mahathir telah melancarkan buku *Balancing The Communal Right (Mengimbangkan Hak-hak Antara Kaum)*.

Para perwakilan juga berpeluang menyaksikan tayangan video bertajuk *Balancing The Communal Right* yang antara lain memaparkan sejarah penubuhan serta perjuangan UMNO dalam menuntut serta mengisi kemerdekaan negara.